



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 30/2025

4TH ASEAN YOUTH DIALOGUE DAN 4TH ASEAN YOUTH LEADERS INTERFACE WITH ASEAN LEADERS IN THE SIDE LINE OF 46TH ASEAN SUMMIT, 22 – 28 MEI 2025, KUALA LUMPUR

23 MEI 2025

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menganjurkan *4th ASEAN Youth Dialogue dan 4th ASEAN Youth Leaders Interface with ASEAN Leaders* bermula dari 22 hingga 28 Mei 2025 di Kuala Lumpur, bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-46.
2. Program ini menghimpunkan lebih 85 pemimpin belia dari negara-negara ASEAN dan Timor-Leste, serta wakil-wakil agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selaku rakan strategik. Bertemakan "*Youth for a Sustainable Future: Empowering Inclusion and Driving Change in ASEAN*", program ini bertujuan memperkukuh peranan belia sebagai agen perubahan dalam pembangunan mampan dan kelestarian rantau ASEAN.
3. Sepanjang program, para peserta terlibat secara aktif dalam sesi dialog, bengkel, dan perbincangan dasar yang memberi tumpuan kepada isu-isu utama seperti pendidikan berkualiti, pembangunan ekonomi, inovasi digital, perubahan iklim, kesihatan mental, dan keterangkuman sosial.

4. Wakil belia ASEAN juga telah membentangkan *ASEAN Youth Statement* semasa sesi *ASEAN Youth Leaders Interface with ASEAN Leaders*, sekali gus memastikan suara dan aspirasi generasi muda diambil kira dalam proses pembuatan dasar serantau. Sesi ini turut memberi peluang kepada wakil belia ASEAN untuk berkongsi pandangan, cadangan, dan harapan mereka secara langsung kepada para pemimpin tertinggi rantau.

5. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia percaya bahawa penglibatan aktif belia dalam dialog dan proses pembuatan dasar adalah kunci kepada masa depan ASEAN yang inklusif, berdaya tahan, dan mampan. Penganjuran program ini juga selaras dengan komitmen Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 untuk memperkasakan belia dan memperkukuh kerjasama serantau.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

